

Press Clipping

Port Klang Free Zone
23, 2007

Publication: Bernama.com (BM) – B&W

Date: August

Ekonomi

23 Ogos, 2007 22:03 PM

LPK Yakin Dapat Tingkat Kadar Sewa PKFZ Kepada 80 Peratus Dlm Lima Tahun

KLANG, 23 Ogos (Bernama) -- Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) yakin dapat meningkatkan kadar penyewaan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) kepada 80 peratus dalam tempoh lima tahun.

Sejak mula beroperasi pada 1 Nov lepas, terdapat 30 pelabur dengan anggaran pelaburan bernilai RM725 juta berjaya ditarik ke PKFZ yang dibangunkan di atas tapak seluas 400 hektar di Pulau Indah dekat sini, demikian menurut Kementerian Pengangkutan dalam satu kenyataan di sini.

Usaha sedang dijalankan oleh LPK untuk menarik pelabur-pelabur dari Eropah, China dan India dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) bagi menjadikannya pusat pengedaran dan pengagihan serantau sejajar dengan wawasan kerajaan.

PKFZ merupakan projek nasional yang melibatkan penyediaan infrastruktur untuk membantu pertumbuhan kargo di Pelabuhan Klang, menjana pertumbuhan ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan dan perkhidmatan sokongan serta aktiviti perniagaan sampingan.

"Dalam pada itu, oleh kerana kos keseluruhan PKFZ adalah tinggi, kerajaan telah bersetuju meluluskan pinjaman mudah kepada LPK. Butir-butir pinjaman sedang diuruskan," kata kementerian dalam kenyataan itu.

Kos pembinaan keseluruhan tanah seluas 400 hektar itu melibatkan kos pembangunan sebanyak RM1.845 bilion dengan kemudahan utama seperti empat blok bangunan pejabat untuk disewa, 512 unit industri ringan, pejabat pihak berkuasa zon bebas, pejabat kastam dan pusat pemeriksaan, pusat pameran, tempat letak kereta bertingkat, bangunan pejabat keselamatan, bangunan sokongan dan kerja-kerja infrastruktur sahaja menelan RM1.0 bilion.

Sementara itu, sebanyak RM845 juta lagi dibelanjakan antaranya bagi kerja menaik taraf simpang masuk ke PKFZ, kerja infrastruktur elektrik, pembinaan hotel kelas perniagaan, pembinaan untuk bekalan elektrik 33 kilovolt, jalan menghubungkan PKFZ ke Pelabuhan Barat dan jalan menghubungkan jalan masuk utama ke PKFZ dengan Terminal Kontena 4 Pelabuhan Barat.

Press Clipping

Menurut kenyataan itu, LPK membeli tanah seluas 1,000 ekar dari Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) pada RM1.088 bilion berdasarkan nilai RM25 sekaki persegi yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Nilaian RM25 sekaki persegi mengambil kira kerja-kerja di atas tanah seperti penambahan tanah, perparitan, pembinaan jalan masuk dan jambatan, penyediaan lampu jalan, bekalan air dan bayaran kepada pembekal elektrik, air dan telekomunikasi.

Ia berkata kos keseluruhan pembelian tanah oleh LPK daripada KDSB bernilai RM1.807 bilion dengan tempoh pembayaran balik selama 15 tahun dengan kadar faedah 7.5 peratus.

Kementerian Pengangkutan berkata LPK membangunkan PKFZ secara serentak dengan kos pembangunan berjumlah RM1.845 bilion atas nasihat Pihak Berkuasa Zon Bebas Jebel Ali (JAFZA).

Pada awalnya projek itu dicadang dibangunkan dalam dua fasa melibatkan sebahagian tanah seluas 200 hektar dengan kos pembangunan dianggarkan RM400 juta sahaja, katanya.

JAFZA dan LPK menandatangani perjanjian pengurusan pada Oktober 2003 bagi membolehkan syarikat dari Dubai itu mengurus dan mentadbir PKFZ tetapi atas persetujuan kedua-dua belah pihak, kontrak pengurusan ditamatkan dengan persetujuan bersama pada Julai lepas.

Kementerian Pengangkutan berkata: "Oleh demikian, kos keseluruhan PKFZ setelah mengambilkira kos pembelian tanah dan kos pembangunan bersama dengan kos faedah 7.5 peratus, fi profesional 10 peratus dan pesanan variasi yang dihadkan kepada 20 peratus (sekiranya digunakan) dianggarkan berjumlah RM4.632 bilion."

-- BERNAMA